

KUTKM menang pingat emas

Archival News | Utusan Malaysia | 16/06/2005 | Author: AZMAN IBRAHIM

MELAKA 15 Jun - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) memenangi satu emas dan satu perak pada pertandingan Pameran Antarabangsa Reka Cipta dan Inovasi Reka Bentuk Industri dan Teknologi (I-TEX) 2005 Ke-16 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pingat emas itu dimenangi menerusi rekaan Palam Tekanan Angin (APP) untuk tayar kenderaan pancit yang dihasilkan pelajar tahun dua, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Mohd. Najib Abdul Manan, 21, dengan kerjasama dua pensyarah, Nik Mohd. Farid Che Zainal Abidin dan Hambali Ariff.

Pingat perak pula dimenangi seorang pensyarah, Prof. Dr. Marizan Sulaiman yang mencipta perisian khas mengenai Komponen Penggunaan Analisis Simetrikal dan Sistem Model Pangkalan Kuasa (GUI).

Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Pengkomersilan/Inovasi) KUTKM, Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pihak universiti amat berbangga dengan kejayaan berkenaan.

Menurutnya, setiap tahun, KUTKM berusaha menghasilkan pelbagai rekaan baru bagi meningkatkan kualiti dan komitmen universiti dalam dunia inovasi, teknologi dan reka bentuk.

"Pada tahun ini, KUTKM telah memperuntukkan sebanyak RM2.8 juta geran penyelidikan berbentuk jangka pendek untuk 141 projek manakala geran penyelidikan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi adalah sebanyak RM748,000 untuk dua projek bertaraf antarabangsa," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

APP adalah satu rekaan unik bagi membekalkan angin dari enjin motosikal untuk disalurkan ke tayar yang pancit.

Ciptaan itu boleh digunakan pada semua jenis enjin pembakaran dalaman sama ada kereta, lori atau bas dan bentuknya berbeza-beza mengikut spesifikasi enjin.

Bagi projek tersebut, KUTKM hanya membelanjakan sebanyak RM800 untuk menyiapkan kajian dan rekaan Mohd. Najib itu.

Dalam pada itu, Mohd. Najib tidak menyangka idea ciptaan yang dicetuskan sejak lima tahun lalu berjaya memenangi pingat emas.

Beliau mendapat ilham berkenaan setelah melihat bapanya yang terpaksa bersusah payah mencari rezeki dengan memperbaiki tayar kenderaan jiran yang pancit atau rosak.

Menurut Mohd. Najib, beliau mewarisi bakat daripada bapanya yang sentiasa berminat dengan kerja-kerja pertukangan dan pembuatan selepas bersara

sebagai pemandu forklift beberapa tahun lalu.

"Dalam keluarga, saya seorang sahaja daripada enam beradik mempunyai kemahiran seperti ayah dalam bidang reka cipta dan pembuatan," katanya.

Mohd. Najib turut berhasrat mencipta lebih banyak produk yang boleh merangkul pelbagai anugerah pada peringkat antarabangsa sebelum menamatkan pengajian di KUTKM.

(Source : Utusan Malaysia)